Publication: Berita Harian, 01

Date: 22 June 2017

Headline: An important lesson learnt due to failure to report those radicalised

Tidak lapor kes radikal diharap satu pengajaran penting

Namun, kekesalan rakan tidak buat demikian dihargai: Reaksi

►IRMA KAMARUDIN

irmak@sph.com.sg

SITI AISYAH NORDIN

naisyah@sph.com.sg

RASA kesal yang dirasakan dua teman pegawai polis tambahan, Muhammad Khairul Mohamed, yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), satu pengajaran kepada masyarakat tentang implikasi tidak melaporkannya kepada pihak berkuasa.

Demikian pendapat beberapa pengamat ketika diminta mengulas tentang pengalaman dua rakan Khairul itu.

Namun beberapa pengamat berpendapat rasa kesal dan kesedaran dua teman Khairul itu juga amat dihargai.

Pegawai dakwah dan pengetua madrasah di Masjid Jamiyah Ar-Rabitah, Ustazah Nurul 'Izzah Khamsani, berkata rakan-rakan Khairul telah melahirkan rasa kesal tetapi mereka sepatutnya merujuk perkara itu kepada pihak berkuasa yang boleh membantu pegawai berkenaan mengubah pemikirannya.

Bersetuju dengan pandangan itu, Zamil Penyelidik Madya Sekolah Pengajian Antarabangsa S. Rajaratnam (RSIS), Ustaz Mustazah Bahari, menghargai penyesalan yang dilahirkan kededua teman Khairul itu.

Beliau menggesa masyarakat berjaga-jaga dan berwaspada serta melaporkan sebarang tingkah laku mencurigakan di kalangan rakan dan keluarga.

Dalam wawancara bersama Berita Harian (BH) kelmarin dua teman Khairul telah melahirkan rasa kesal tidak melaporkan temannya itu kepada pihak berkuasa.

Mereka juga berkata telah cuba memujuk Khairul daripada meneruskan keinginannya menyertai sengketa bersenjata di Syria namun gagal.

Pengarah Institut Sains Tingkah Laku di Universiti Pengurusan Singapura (SMU), Profesor David Chan menasihatkan masyarakat memikirkan implikasi jika seseorang yang radikal melancarkan serangan.

"Pihak berkuasa tidak boleh menyelesaikan masalah ini sendiri. Kita perlu sedar dan membantu satu sama lain supaya sedar tentang tiga perkara penting – menonjolkan bahawa akibat yang terlibat amat teruk jika individu radikal melancarkan serangan atau membantu pengganas melancarkan serangan; fikirkan kesalan yang akan dirasai kerana tidak membuat laporan jika serangan itu berlaku; tumpukan pada kelainan positif yang akan kita lakukan dengan membuat laporan," jelas beliau.

Sementara itu, Naib Pengerusi Kumpulan Pemulihan Keagamaan (RRG) Ustaz Dr Mohamed Ali, berkata penangkapan terbaru itu menunjukkan pentingnya peranan keluarga dan kenalan rapat agar melaporkan individu yang berpotensi radikal kepada pihak berkuasa.

Namun, beliau menambah ba-

hawa sebelum melaporkan, ahli keluarga boleh membuat penilaian mereka sendiri berkenaan perbuatan individu tersebut dan menunjukkan bahawa mereka tidak memberi sokongan.

"Ahli keluarga seharusnya menunjukkan mereka mengutuk perbuatan individu ini. Langkah seterusnya adalah mendapatkan bantuan daripada RRG atau asatizah bertauliah," kata Dr Mohamed.

Ustaz Mustazah pula mengajak masyarakat memikirkan kesan positif melaporkan individu yang radikal kepada pihak berkuasa.

"Dengan membuat laporan, mereka (keluarga dan rakan) tidak harus melihat perbuatan mereka sebagai sesuatu yang negatif tetapi sebagai menghulurkan tangan bantuan buat orang tersayang daripada menjadi mangsa propaganda pengganas," ujar beliau.

Memandang ke hadapan Ustazah Nurul 'Izzah juga mengajak ibu bapa supaya kerap berbincang dengan anak mereka mengenai isu seperti ehwal masyarakat Islam setempat dan dan dunia.

"Dengan cara ini mereka dapat mengesan sebarang pandangan kurang tepat dan berupaya memperbetulkannya," kata beliau.